

Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 17 Disember 2009 telah mengeluarkan surat arahan perbendaharaan mengingatkan semua jabatan supaya membuat perbelanjaan secara berhemat. Antara langkah pelaksanaan ialah mengelakkan penyusunan semula organisasi yang melibatkan penambahan jawatan, menghadkan bilangan pegawai keluar negara, mengendalikan majlis secara sederhana, menjimatkan utiliti, mengawal perbelanjaan tuntutan elaun lebih masa dan sebagainya.

2. Bagi melaksanakan pekaru tersebut, ketua-ketua jabatan juga adalah diingatkan supaya melaksanakan dengan lebih tegas langkah-langkah penjimatan seperti berikut:

- a) **Menghentikan amalan menghidangkan makanan dan minuman secara berlebihan semasa persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel atau sebarang acara rasmi yang lain; dan**
- b) **Menghentikan pemberian *door gift* untuk sebarang upacara rasmi kerajaan atau majlis keraian seperti majlis penganugerahan/perasmian/pelancaran/persidangan/makan malam/mesyurat dan sebagainya.**

Bagi pematuhan arahan ini saya harap YBhg. Dato-Dato'/tuan dapat memantau dan melaksanakan arahan ini dengan sebaiknya dan memanjangkannya email ini kepada semua ketua-ketua unit di organisasi masing-masing supaya ia dapat dihayati dan dilaksanakan bersama.